



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NOT. :AR 5381

Ruj. Kami : JKNPP/04/16/7
Jld.4 (68)

Tarikh : 17 Februari 2014
17 Rabiulakhir 1435

Y.B. Setiausaha Kerajaan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang,
(Unit Perancang Ekonomi Negeri),
Paras 26, KOMTAR,
10503 PULAU PINANG.



Y. Bhg. Dato',

**PERMOHONAN PENGELUARAN DANA DARIPADA AKAUN AMANAH
JAWATANKUASA INDUK INDUSTRI PELANCONGAN (JIIP) NEGERI
PULAU PINANG UNTUK AKTIVITI PROMOSI DAN PEMASARAN
PELANCONGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN
2014 - FASA PERTAMA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat PDC bertarikh 27 Januari 2014 yang turut disalinkan kepada pentadbiran Y. Bhg. Dato' berkaitan perkara di atas. Surat awal Jabatan ini Bil.(66) dalam siri yang sama bertarikh 7 Februari 2014 berkaitan perkara yang sama adalah dengan ini dimohon dibatalkan.

2. Seperti mana Y. Bhg. Dato' sedia maklum, Jabatan ini telah mengadakan perbincangan pada 11 Februari 2014 lalu berkaitan Pengeluaran Dana daripada Akaun Amanah Jawatankuasa Induk Industri Pelancongan. Perbincangan tersebut telah dihadiri oleh pihak Y. Bhg. Dato', PDC dan Penang Global Tourism Sdn Bhd. (PGTSB). Dalam perbincangan tersebut, telahpun dimaklumkan berkaitan keputusan Lembaga Pengarah PGTSB yang bermesyuarat pada 10 Februari 2014 yang telah menyetujui cadangan bajet PGTSB tahun 2014 berjumlah RM5,861,330.00. Sehubungan dengan ini, perbincangan pada 11 Februari 2014 yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju kepada perkara-perkara berikut:

- i. Selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah PGTSB, maka agihan pembiayaan yang akan diperuntukkan daripada

Tarikh : 17 Februari 2014
17 Rabiulakhir 2014

peruntukan pembangunan pelancongan tahun semasa yang diluluskan RM7.5 juta ialah RM5.861 juta untuk aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan kepada PGTSB. Untuk agihan pertama, JKN akan mengeluarkan surat kepada UPEN untuk dibuat pengeluaran sejumlah RM1.0 juta kepada PDC untuk disalurkan kepada PGTSB selanjutnya;

- ii. Baki sejumlah RM1.639 juta (RM7.5 juta - RM5.861 juta) ialah untuk pembiayaan aktiviti Jawatankuasa MMK Pembangunan Pelancongan. Peruntukan untuk Jawatankuasa MMK Pembangunan Pelancongan dipersetujui dikekalkan dalam akaun amanah JIIP dan perbelanjaan yang terlibat akan diuruskan oleh UPEN selaku urusetia kepada Jawatankuasa MMK Pembangunan Pelancongan dan Pegawai Pengawal kepada Akaun Amanah JIIP.
- iii. Selaras dengan teguran Audit, dipersetujui supaya PGTSB tidak lagi menguruskan perbelanjaan Jawatankuasa MMK Pembangunan Pelancongan yang akan diuruskan secara langsung oleh UPEN.

3. Seperti mana keputusan di perenggan 2 (i) di atas, Jabatan ini tiada halangan dan bersetuju dengan permohonan pengeluaran pertama peruntukan sejumlah RM1.0 juta daripada Akaun Amanah Jawatankuasa Induk Industri Pelancongan kepada PDC untuk membiayai aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan bagi PGTSB.

Sekian, terima kasih.

' CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS '
' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,



[HASHIMAH BT. MOHAMED HASHIM]

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

☎ : 04-6505186

✉ : hmh@penang.gov.my

Ruj. kami : JKNPP/04/16/7 Jld. 4 (68)

Tarikh : 17 Februari 2014
17 Rabiulakhir 2014

s.k.: Y.B. Tuan Law Heng Kiang,
Pengerusi,
Jawatankuasa MMK Pembangunan Pelancongan,
Pejabat Ahli MMK,
Tingkat 53, KOMTAR,
10503 PULAU PINANG.

Pengurus Besar,
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang,
No. 1, Persiaran Mahsuri,
Bandar Bayan Baru,
11909 Bayan Lepas,
PULAU PINANG.

Pengarah Urusan,
Penang Global Tourism Sdn Bhd,
8B, Tingkat 1,
The Whiteaways Arcade,
10300 PULAU PINANG.

